

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Majlis Perbandaran Selayang
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
61800 Batu Caves. Selangor

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	NO. SEBUT HARGA	KETERANGAN ASET	NO. PENDAFTARAN KENDERAAN	KUANTITI	HARGA SIMPANAN (RM)
1.	MPS/SH/62/23	MITSUBISHI PAJERO	BGV 530	1	9,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **13 Julai 2023** hingga **20 Julai 2023** diantara jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari di bengkel MPS di alamat Bengkel Kenderaan MPS, Rawang Intergrated, 48000 Rawang, Selangor. Tawaran tersebut atas dasar "As is where is basis".
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh dicetak atau diperolehi di alamat seperti di para 5. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Satu (1) borang hanya untuk satu (1) aset/kenderaan sahaja.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut Harga MPS/SH/...../23 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
Tingkat 6, Majlis Perbandaran Selayang,
Persiaran 3 Bandar Baru,
61800 Selayang, Selangor.

6. Tarikh tutup sebut harga pada **20 Julai 2023** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Selayang

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Tarikh tutup sebut harga pada **20 Julai 2023** jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

**BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG**

Nama Individu/ Syarikat :

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :

Alamat:

Kepada:
Majlis Perbandaran Selayang
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
61800 Batu Caves, Selangor.

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No: MPS/SH/62/23

Merujuk kepada perkara di atas, saya/syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/syarikat adalah seperti berikut:-

BIL	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA TAWARAN (RM)	DEPOSIT (RM)
1.	MITSUBISHI PAJERO BGV 530	1		
JUMLAH TAWARAN				

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Wang Pos/Draf Bank, No. _____ atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang.**

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

No. Telefon :

Cap Syarikat :

